

Kongsi teknik, kaedah merangsang minat pelajar ke atas STEM

Oleh Henry Bating

UB 17.10.2019 4

KOTA BELUD: Statistik menunjukkan subjek Sains dan Matematik bukan merupakan pilihan utama kalangan pelajar di negara ini.

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Soon Singh A/L Bikar Singh berkata hanya 19 peratus daripada 447,000 pelajar mengambil mata pelajaran Matematik atau 'Science Technology Engineering and Mathematic' (STEM) selepas tingkatan tiga.

"Kanak-kanak sebenarnya mempunyai sikap ingin tahu dan ini merupakan masa terbaik memperkenalkan STEM kepada mereka dengan teknik atau kaedah yang betul.

Soon menjelaskan banyak bahan dihasilkan penyelidik dapat menyokong pembelajaran Matematik awal atau STEM tetapi masih belum mencukupi.

"Di samping itu situasi dalam kelas khususnya prasekolah masih kurang kondusif untuk mendukung minat STEM," katanya.

Soon berkata demikian ketika ditemui media selepas Program 'Sharing Best Practices Stem' di SK Nahaba di sini semalam.

Program Mentor Mentee STEM itu dijalankan bersama mahasiswa HT19 Tahun 2 UMS dan pelajar SMK Sultan Ismail anjuran FPP UMS.

Program itu dirasmikan Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah Datuk Ewon



KENANGAN: Dr Soon Singh (berdiri, tengah) bersama rombongan pelajar UMS dan pelajar SMK Sultan Ismail Kelantan.



CENDERAMATA: Dr Soon Singh (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr Rizoh Bosurung disaksikan Guru Besar SK Nahaba Patrick Kandar (tengah).

Benedick yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kadamaian.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Penyalia Pembangunan Kadamaian Dr Rizoh Bosurong.

Menurut Soon objektif program itu ialah memberi pendedahan dan memupuk minat terhadap STEM dalam diri para murid di SK Nahaba,

Kota Belud.

"Program ini juga membuka ruang komunikasi antara dua negeri (Sabah dan Kelantan) yang berbeza adat dan budaya," katanya.

Soon menjelaskan program itu juga memberi pendedahan kepada guru-guru di Sabah tentang 'networking' dengan guru-guru di Semenanjung.

Melalui program itu di-



ANUGERAH: Dr Soon Singh menyampaikan anugerah kepada peserta STEM SK Nahaba.

harapkan para peserta dapat merasai pengalaman dalam 'Outdoor Learning' antara dua negeri dalam menghasilkan satu modul STEM untuk kanak-kanak.

Soon berharap program lima hari itu dapat memberikan pengetahuan dan pengalaman baharu kepada semua yang terlibat.

Turut hadir Ketua Program

Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dr. Connie Cassy Ompok, Cikgu Hartini Hashim dari SMK Sultan Ismail Kelantan, Pegawai Unit Menengah dan Tingkatan 6 Sektor pengurusan Sekolah PPD Kota Belud Muhamad Amat, Guru Besar SK Nahaba Patrick Kandar, Penyelaras STEM Maria Tambagas dan Pengerusi STEM SK Nahaba Yusri Saimin.